

28 DEC 2000

Mahathir-Temuramah

SOALAN DAN JAWAPAN TEMURAMAH BERSAMA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membenarkan satu temuramah eksklusif hujung tahun kepada BERNAMA di pejabatnya di Putrajaya dekat sini.

Dr Mahathir menjawab soalan-soalan daripada tiga orang wartawan kanan BERNAMA iaitu Ketua Pengarang Jaafar Hussin, Editor Eksekutif Azman Ujang dan Penolong Editor E.Sivabalan.

Soalan: Selepas pilihan raya kecil Lunas, terdapat seruan dari dalam dan luar Umno supaya gaya kepimpinan Yang Berhormat (YB) serta cara kerajaan melaksanakan dasar penswastaan diubah dan meminta pucuk pimpinan mengambil tindakan terhadap Menteri-menteri dan ahli politik lain yang tidak menjalankan tugas dengan baik. Apakah komen anda.

Jawapan: Sebenarnya saya tidak tahu perubahan macam mana mereka mahu saya buat. Tetapi apa yang saya tahu ialah kebanyakan daripada perkara yang saya buat tidak difahami dengan baik khasnya mengenai proses membuat keputusan. Ramai yang berpendapat saya sendiri yang membuat semua keputusan. Tetapi ia bukan keputusan-keputusan saya ia kata putus Kabinet. Dalam kes politik (Umno), ia di buat oleh Majlis Tertinggi dan terdapat perbincangan bebas dan tanpa had sebelum sebarang keputusan dibuat. Jadi walaupun saya mengubah gaya kepimpinan saya, selagi yang lain tidak mahu berubah, ia tidak akan membawa apa-apa perbezaan. Dalam hal penswastaan pula kebanyakan orang tidak memahami yang kita memang cermat dalam melakukan penswastaan dan memastikan nasib pekerja terjamin. Mereka tidak boleh dibuang kerja, mereka perlu ditawarkan skim gaji baru yang lebih baik berbanding skim yang ditawarkan oleh kerajaan dan mereka mesti diberi hak memiliki saham di entiti-entiti yang diswastakan itu dan semua syarat yang membawa manfaat kepada mereka.

Sekurang-kurangnya dalam satu kes terdapat permintaan bagi penswastaan, sebagai contoh oleh pekerja-pekerja Pelabuhan Klang. Adalah tidak tepat untuk menyatakan yang ia sebenarnya gaya saya melakukan sesuatu. Ia sesuatu yang Kabinet membincangkan bersama-sama dan membuat keputusan kolektif, kami bertanggungjawab bagi keputusan-keputusan itu. Mereka yang berada dalam Kabinet akan mengetahuinya dan Majlis Tertinggi Umno juga tahu yang kita pernah mengadakan mesyuarat dari pukul 8 malam hingga 4 pagi dan semua orang bercakap sekurang-kurangnya dua kali kerana saya membenarkan mereka, saya memberikan mereka peluang untuk bercakap. Jadi sejauh yang saya boleh lihat, usaha-usaha kita telah berjaya, jika tidak negara tidak akan maju sejauh ini ataupun ia mampu atasi usaha-usaha memiskinkan negara seperti yang berlaku pada negara lain.

S: Adakah YB kecewa dengan kegagalan beberapa daripada rancangan penswastaan sebagai contoh yang terbaru ini pembelian balik saham-saham Penerbangan Malaysia (MAS) daripada ahli perniagaan Tan Sri Tajudin Ramli pada harga RM8 sesaham yang dikritik oleh pelbagai pihak?

A: Saya kecewa yang penswastaan MAS telah gagal. Tetapi masalah kegawatan ekonomi, penurunan nilai ringgit, aliran keluar modal daripada pasaran saham secara besar-besaran telah berlaku. Mana-mana syarikat yang menghadapi senario itu akan gagal dan syarikat-syarikat penerbangan sangat sensitif terhadap perubahan dalam persekitaran operasinya. Mereka gagal

bukan kerana mereka tidak diuruskan dengan baik tetapi apabila nilai pasaran saham menyusut 90 peratus, mana-mana syarikat akan gagal dan kita hidup dalam dunia yang banyak berlaku turun naik dalam pasaran, sebagai contoh harga petroleum dan ini akan menjejaskan prestasi syarikat. Kita bukan sahaja menganggap syarikat penerbangan itu sebagai entiti komersil sahaja tetapi juga sebagai syarikat yang mempunyai tanggungjawab sosial. Sebagai contoh, tambang penerbangan domestik adalah sangat rendah dan kerajaan pula tidak memberi subsidi. Jadi mereka (MAS) terus kerugian berjuta-juta ringgit kerana kerajaan tidak menaikkan kadar tambang penerbangan domestik kerana orang ramai tidak mahu menaikkan itu.

Syarikat mana sekalipun akan rugi jika itulah kedudukannya. Ditambah pula, naik turun harga minyak, perbezaan dalam nilai mata wang kita, tambang RM2,000 pada masa ini bukan sama dengan tambang RM2,000 sebelum susut nilai. RM2,000 pada masa ini murah tetapi jika kita naikan tambang, orang ramai akan membantah. Berapa lama MAS boleh menanggung keadaan ini?

Sebab itulah kerajaan terpaksa mengambil alih kerana tidak ada syarikat mampu meneruskan operasi dalam keadaan itu. Kerajaan perlu mengambil alih. Implikasinya ialah kerajaan perlu menanggung kos. Daripada satu segi ia adalah subsidi. Tetapi jika ia diswastakan kita perlu membenarkan sebuah syarikat yang diswastakan menetapkan harganya tersendiri. Sebenarnya jika kita menjual saham-saham MAS kepada orang asing atau syarikat asing, yang pasti mereka tekankan ialah mereka mesti mempunyai kebebasan untuk menentukan apa yang terbaik bagi syarikat dan jika anda minta mereka mensubsidi tambang domestik sudah pasti mereka kata tidak boleh. Mereka akan kata kita entiti komersil dan tidak boleh diminta mensubsidi. Jadi itulah masalah yang dihadapi oleh MAS.

S: Apakah reaksi YB kepada cadangan bahawa orang Melayu sedang bersatu di bawah PAS.

J: Saya tak fikir mereka sedang bersatu di bawah PAS. Tetapi PAS telah berjaya dalam usahanya membuatkan orang Melayu benci terhadap kerajaan kerana kempen benci mereka yang telah berjalan selama lebih 30 tahun. Bila orang membenci, mereka tidak lagi mengambil kira penjelasan yang diberi. Kita memberi penerangan tentang apa yang kita telah buat dan apa yang kita buat itu ialah untuk kebaikan mereka. Tetapi PAS sanggup berkata kepada mereka bahawa mereka tidak perlu berterima kasih jika sesuatu diberi kepada mereka. Jadi bila kita menolong orang Melayu mendapat pendidikan, peluang untuk menjadi profesional dan semua itu, mereka berkata anda tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan. Ini hak kita. `Ajaran' PAS ini telah mempengaruhi pemikiran belia-belia.

S: Adakah pucuk pimpinan yang patut dipersalahkan bagi kekalahan Barisan Nasional (BN) di Lunas dan juga masalah dalam Umno.

J: Saya mengaku bila parti gagal bahawa sayalah yang bertanggungjawab. Tetapi apa yang berlaku di situ bukan kerana satu sebab sahaja. Ada banyak sebab. Dalam kes Lunas, Umno di kawasan itu lemah. Dan Umno di kawasan mengundi di mana calonnya bukan Melayu, bukan orang Umno, kita lemah. Di mana seorang Umno menjadi calon, Umno memang kuat. Ini sesuatu yang normal. Yang kedua, saya mesti berkata di sini bahawa terdapat kelemahan dalam organisasi dan lebih-lebih lagi terdapat isu-isu seperti kaum Cina menolak konsep Sekolah Wawasan dan juga tuntutan Suqiu yang telah diapi-apikan termasuk memberitahu orang Cina di Lunas bahawa mereka terpaksa menggunakan kopiah jika konsep sekolah wawasan ini diterima. Inilah penipuan yang telah berlaku. Gambar calon BN (S. Anthonysamy) sebagai seorang Kristian berpakaian seperti seorang paus telah menimbulkan kemarahan di kalangan

orang Melayu. Terdapat banyak faktor yang telah menyebabkan kekalahan di Lunas dan kita berharap faktor-faktor ini akan dapat diperbetulkan.

S: Adakah kekalahan BN di Lunas kerana kurangnya koordinasi antara parti-parti komponen BN.

J: Ya, Kurangnya kordinasi, sokongan tempatan yang lemah daripada segi mengatur ceramah. Lebih-lebih lagi dengan penyokong-penyokong pihak pembangkang yang telah membanjiri Lunas kira-kira tiga atau empat kali ganda populasi Lunas. Mereka juga telah menahan penyokong-penyokong kita daripada masuk (ke Lunas). Mereka telah melantik diri mereka sebagai polis dengan memeriksa kad pengenalan dan semua itu. Benda-benda semacam itu telah menakutkan ramai pengundi. Terdapat juga pekerja wanita kita yang telah diserang atau dikepung oleh mereka untuk menakutkan mereka supaya tidak berkempen.

S: Adakah kekalahan BN di Lunas akan mengubah kaedah perkongsian kuasa dalam BN, terutamanya dengan MIC?

J: Tidak, kita akan berpegang kepada janji kita bahawa kita akan memberi MIC beberapa kerusi di mana bilangan pengundi India kecil, tiada kawasan yang mempunyai majoriti pengundi India tetapi pengundi Cina dan Melayu mesti menolong MIC kerana di tempat-tempat lain yang kita jangkakan kita boleh menang dengan majoriti kecil, MIC boleh memberi kelebihan kepada BN.

Anda perlu pertimbangkan bahawa kehadiran 200 atau 300 pengundi India sahaja boleh mengubah keadaan, jadi kita perlu menolong orang-orang India mendapat beberapa kerusi, kalau kita ikut kawasan yang majoritinya India memang tiada, jadi bolehkah kita kata orang India tidak boleh bertanding langsung, kita Barisan Nasional (BN), kita perlu sokong, biarlah ia kekal begitu.

S: Ada pengundi yang berkata Umno tidak mengambil tindakan secukupnya untuk menarik orang-orang Melayu terutamanya generasi muda. Sekarang, apakah yang perlu dilakukan Umno untuk menangani perkara ini, atau adakah perlu bagi Umno menukar arahnya untuk menarik sokongan generasi muda?

A: Anda tahu apabila Umno mula berkuasa, salah satu perkara yang dilakukan ialah memberi peluang mendapatkan pendidikan yang secukupnya kepada orang Melayu, jadi kita mula menghantar anak-anak muda ke luar negeri. Apabila kita berbuat demikian, kita tak seharusnya mengganggu mereka, jika kita pergi dan mengganggu mereka, mereka tidak boleh menghabiskan semester, anda tidak boleh membawa politik parti ke dalam kampus, para pelajar tidak boleh belajar, jadi kita tidak ganggu pelajar.

PAS, terutamanya, boleh dikatakan tinggal dengan penuntut-penuntut dalam kampus, bilangan yang bersimpati dengan mereka juga banyak, mereka melemahkan pemikiran penuntut supaya tidak menumpukan kepada pendidikan sekular, dan lain-lain...macam-macam perkara. Para penuntut didedahkan kepada propaganda PAS, malah mereka terdedah kepada propaganda ini di tadika, sekolah, sekolah menengah, universiti, mereka mendengar kepada PAS, sedangkan dalam Umno kita (merasakan) tidak patut mengganggu penuntut-penuntut ini.

Akibatnya, para pelajar yang keluar sekarang telah ditanam dengan fahaman PAS, mereka membenci kerajaan tanpa sebarang alasan. Sekarang kita mesti berubah dan menangani propaganda PAS di tadika, sekolah, universiti, jadi mereka boleh mendengar kita, barulah mereka mempunyai pandangan yang seimbang. Mereka boleh membuat keputusan. Sekarang, ahli-ahli PAS di luar

negeri berjumpa dengan pelajar (Malaysia), menjauhkan mereka daripada kerajaan dan kita cuba bercakap dengan mereka.

S: Adakah YB berkata bahawa Umno akan menukar polisinya tidak menjelaskan sesuatu kepada pelajar-pelajar, dengan memasuki sekolah, universiti?

J: Ya, memang benar, sama ada kita berbuat demikian atau kita menghentikan PAS daripada berbuat begitu. Ini sukar dilakukan. Mereka mempunyai pensyarah-pensyarah di universiti-universiti, mereka mempunyai laluan kepada kepada pelajar.

S: Terdapat ura-ura akan berlaku rombakan Kabinet. Adakah ini benar?

J: Saya mengenali Menteri-menteri saya dengan baik. Kami mengadakan perbincangan rapi pada setiap kali mesyuarat Kabinet. Saya tidak tahu mengapa ada tanggapan mereka tidak menunjukkan prestasi baik. Tetapi saya dapati mereka telah diberi tanggungjawab dan mereka sedang menjalankan tanggungjawab itu, saya bukannya orang yang menyelesaikan masalah dengan memecat orang, sama ada (mereka yang bekerja) di pejabat (saya) atau Kabinet. Jika saya dapati mereka yang bekerja dengan saya tidak menunjukkan prestasi baik, itu merupakan kesilapan saya.

S: Jadi, adakah anda menyatakan tidak akan berlaku rombakan Kabinet dalam masa terdekat ini.

J: Saya fikir tidak. Jika saya tidak mampu mendapatkan yang maksimum daripada setiap Menteri, saya gagal dalam tugas saya dan jika saya gagal dalam tugas saya, anda boleh lihat apa akan terjadi kepada seluruh negara.

S: YB, kita ke soalan menyentuh sistem pendidikan. Terdapat kekurangan kandungan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kita sejak beralih ke Bahasa Malaysia. Kita kini mengeluarkan graduan-graduan yang tidak menguasai bahasa Inggeris, satu bahasa penting dalam memperoleh pengetahuan. Apa komen YB mengenai perkara ini?

J: Ia bukan kerana peralihan sistem pendidikan ke Bahasa Malaysia. Apabila kita beralih ke Bahasa Malaysia, kita menekankan pentingnya bahasa Inggeris dari mula lagi iaitu sejak 1960-an apabila sekolah-sekolah bahasa Inggeris ditukar menjadi sekolah kebangsaan. Kita menekankan perlunya menguasai dua bahasa -- Bahasa Malaysia dan Inggeris. Malangnya, ada yang berpendapat anda harus mengabaikan bahasa Inggeris sama sekali sebagai seorang nasionalis. Jika anda nasionalis Melayu, maka anda harus hanya belajar bahasa Melayu.

Tetapi para pelajar Melayu sendiri berpendapat yang jika mereka belajar bahasa Inggeris, mereka tidak menunjukkan ciri nasionalis dan seterusnya tidak menyokong bahasa Melayu. Yang silapnya bukan keputusan kerajaan. Kerajaan sentiasa menekankan pada pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris dan dengan peralihan masa kita berharap dapat melihat lebih ramai nasionalis ini menguasai bahasa Inggeris. Kami percaya seorang nasionalis ialah seorang yang telah menguasai semua pengetahuan dan kemahiran dan mampu mencabar seluruh dunia. Itulah nasionalis sebenar. Tetapi mereka berpendapat hanya dengan berbahasa Melayu sahaja, menjadikan seseorang itu nasionalis dan tanggapan itu tidak betul.

S: Realiti di peringkat sekolah ialah kita mengeluarkan guru-guru yang tidak fasih dalam bahasa Inggeris. Jadi, bagaimana pula anak-anak kita akan

menguasai bahasa Inggeris. Itu realiti, yang anda bercakap sebelum ini teori. Tetapi realitinya?

J: Realitinya ialah guru-guru juga produk sekolah dan pemikiran sempit. Anda berpendapat mempelajari bahasa Inggeris sebagai tidak setia dan tidak patriotik terhadap negara. Jadi, sekarang kita perlu menoleh ke tempat lain bagi mendapatkan guru dan jika perlu melatih guru-guru dalam bahasa Inggeris.

S: Adakah kita mempunyai keazaman politik untuk melakukan sesuatu?

J: Kita ada keazaman politik. Tetapi sudah tentu kita akan bertembung dengan ramai nasionalis bahasa yang hanya mahu rakyat bertutur dalam bahasa Melayu dan tidak mempunyai pengetahuan lain.

S: Adakah YB akan biarkan begitu sahaja orang-orang seperti ini?

J: Anda tidak harus menghiraukan orang-orang seperti ini demi masa depan negara.

S: Baru-baru ini, Presiden GPMS Datuk Suhaimi Ibrahim dalam satu temubual terbaru menampilkan YB sebagai contoh klasik bagaimana pentingnya bahasa Inggeris. Beliau berkata YB diketahui di seluruh dunia kerana dapat menampilkan pemikiran anda dengan berkesan di forum-forum dunia kerana fasih dalam bahasa Inggeris. Anda mempunyai sesuatu untuk dikatakan mengenai ini?

J: Saya mesti mengaku yang keupayaan saya untuk bercakap dan menjelaskan dalam bahasa Inggeris telah banyak membantu saya. Saya tidak boleh bergantung kepada penterjemah kerana penterjemah tidak boleh bercakap mengikut nada saya. Jadi, mesej yang mahu disampaikan tidak sampai. Jadi sebab itulah penguasaan bahasa Inggeris sangat penting khususnya dalam berurusan dengan negara lain dan kita tidak boleh pergi ke negara lain dan bercakap dalam bahasa kita dan tiada siapapun akan belajar bahasa kita hanya untuk memahami kita. Kita boleh bercakap mungkin kepada satu atau dua orang, tetapi dunia tidak akan belajar Bahasa Melayu untuk memahami orang Melayu.

S: Adakah ini menjadi punca Yang Berhormat menyeru penduduk Asean untuk menguasai bahasa Inggeris di sidang kemuncak informal Asean di Singapura?

J: Ya, saya rasa ia sesuatu yang baik kerana walaupun dalam mesyuarat Asean, kita terpaksa bergantung kepada penterjemah. Apabila anda menggunakan penterjemah, kata-kata anda itu tidak lagi penting.

S: YB mari kita beralih ke perkembangan ekonomi dunia. Ini senario masa kini. Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat semakin perlahan dan kemungkinan menghala ke arah kemelesetan. Matawang Euro agak lemah dan pasaran saham Jepun juga semakin lembap. Apa yang menunggu Malaysia tahun depan?

J: Sudah pasti jika tiga rakan dagang utama kita masuk ke kancang kemelesetan, kita juga akan terjejas. Bagaimanapun, kita sudahpun mula mengkaji senario seperti yang diramalkan untuk mengetahui bagaimana kita boleh menghadapi kesannya pada kita. Kita mungkin boleh meningkatkan perdagangan dan sehinggakan bertukar barang bersama beberapa rakan perdagangan bukan tradisional.

S: Adakah kita akan berbuat sesuatu mengenai pasaran saham yang lembap. Nampaknya tiada kemasukan dana asing. Adakah kita akan mengadakan lebih banyak kempen dan misi ke luar negara?

J: Dalam pasaran saham, yang pertamanya, ia bukan indeks terbaik untuk mengukur prestasi negara. Apabila pasaran saham dibuka kepada pelabur asing, maka ia tertakluk kepada kepentingan pelabur asing. Pelabur asing pula hanya mementingkan keuntungan cepat. Jadi, mereka masuk secara besar-besaran ke kaunter tertentu, saham kaunter itu naik. Apabila saham itu naik, mereka menjualnya, mengambil keluar wang dan pergi ke negara lain. Ini berlaku sehinggakan di Amerika, syarikat-syarikat dengan tiba-tiba mendapati saham mereka melonjak dan kemudian dijual dan mereka berakhir dengan masalah.

Jadi, kita tidak boleh bergantung kepada dana asing kerana kepentingan mereka berlainan dengan kepentingan kita. Orang kita mahu melabur dalam syarikat yang menunjukkan kemajuan, yang membawa pulangan yang baik. Mereka tidak semata-mata membeli saham, menolak ke atas harga saham. Jika anda berbuat demikian, anda akan menjejaskan seluruh ekonomi. Jadi, sebab itulah anda tidak boleh bergantung kepada pasaran saham sebagai kayu ukur prestasi negara.

S: Apakah ramalan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Malaysia tahun depan memandangkan perkembangan terbaru dalam ekonomi dunia, khususnya di Amerika?

J: Kita boleh berkata boleh mencapai 5.8 peratus, kurang daripada enam peratus mungkin. Tetapi seperti yang anda tahu, kita meramalkan 5.2 peratus tahun ini, tetapi kita tetap akan berusaha untuk mencapai lebih enam peratus tahun ini.

S: YB apakah cabaran terhadap ekonomi kita tahun depan, terutamanya terhadap sektor hartanah. Adakah anda melihat sebarang kemajuan?

J: Dalam sektor hartanah, tidak akan berlaku banyak kemajuan kerana walaupun berlaku kemelesetan, mereka masih membina, anda dapat melihat banyak kerja-kerja pembinaan yang berjalan. Akibatnya, terdapat banyak bangunan kosong, tetapi mereka masih terus membina. Mungkin mereka tahu sesuatu, kita tidak tahu. Tetapi kadang-kadang mereka tidak membuat kajian rapi tentang permintaan. Akibatnya, memang mereka rugi.

S: Kenapa bank terus memberi pinjaman kepada mereka dan akhirnya bank yang rugi?

J: Hartanah sebenarnya aset kukuh. Mereka tidak meminjam sehingga nilai penuh hartanah itu. Mereka hanya meminjam sedikit daripada nilai hartanah, jadi bank-bank fikir mereka boleh mengambil aset-aset ini pada harga yang rendah. Saya tidak tahu. Saya tidak berkata ini terhadap bank-bank Malaysia. Ini mungkin terjadi.

S: Ada segelintir orang yang menyatakan YB sendiri membuat segala keputusan untuk negara ini. Adakah ini benar?

J: Ini komen yang salah persepsi. Pembangkang selalu cuba melabelkan saya sebagai diktator - sebagai seorang yang membuat keputusan dan tidak kisah tentang pandangan orang lain. Tetapi bukan saya yang membuat keputusan. Ini bukan kes seorang manusia yang membuat keputusan tentang semua perkara.

Saya perlu akui sepanjang kerjaya saya sebagai seorang Perdana Menteri, saya menampilkan banyak idea. Idea-idea ini dikemukakan oleh saya tetapi ia bergantung kepada sama ada Kabinet menerima idea ini atau tidak. Ada yang tidak diterima langsung. Orang ramai tidak tahu perkara ini. Mereka hanya melihat keputusan yang dipersetujui Kabinet.

S: Tetapi Datuk Seri, mereka kata ia sepatutnya berlaku sebaliknya. Menteri-menteri Kabinet mengemukakan idea-idea mereka.

J: Ya, mereka juga berbuat demikian. Anggota-anggota Kabinet membuat pelbagai cadangan dan ini didebat oleh Menteri-menteri dari Kementerian lain. Katakan sebagai contohnya, Menteri Pertanian mengemukakan rancangan beliau, kita debat. Memang saya memberi pandangan saya dan yang lain memberi pandangan mereka. Jika mereka beranggapan ia mampu dilakukan, mereka terima dan jika mereka fikir ia tak akan berlaku, mereka tidak terima.

Ini sama juga dengan pendidikan di mana Menteri datang dan bercakap. Tetapi ini adalah proses dalam Kabinet - anda tahu prosiding Kabinet adalah rahsia. Kami tidak merakamkannya dalam filem. Tidak ada orang yang melihat Kabinet bermesyuarat. Tetapi saya boleh memberi jaminan dan anda boleh tanya anggota Kabinet yang lain, semua daripada mereka bersuara. Kadang kala, saya terpaksa memberitahu mereka kita tidak mempunyai masa yang banyak.

Ada orang yang bercakap beberapa kali kerana mereka menganggap hak mereka untuk memberi pandangan. Dan saya bekerja pada mesyuarat itu yang memakan masa sepenuhnya. Jika ada kertas yang kita tak puas hati, kita tangguhkan keputusannya bagi membolehkan Kabinet meneliti kertas itu dengan teliti.

Ia mungkin bukan dari Kementerian mereka tetapi mereka perlu membacanya kerana mereka perlu mengambil bahagian dalam perbincangan. Jadi, jika beranggapan saya seorang sahaja yang menentukan semuanya, memang itu anggapan yang salah. Dan komen yang dibuat itu adalah atas anggapan yang salah bahawa saya seorang sahaja yang menentukan semuanya.

S: Orang berkata YB seorang yang mampu mengambil kesempatan daripada krisis, dan mampu mengatasi krisis demi krisis sepanjang tempoh 20 tahun menjadi Perdana Menteri. Kita nampaknya kini mempunyai sedikit krisis padi dan beras terutamanya di Kedah. Bagaimana kerajaan akan mengatasi masalah ini?

J: Buat masa ini, harga komoditi-komoditi rendah, minyak kelapa sawit rendah, getah rendah dan sekarang beras rendah. Masalah beras ialah kerana penyeludupan. Yang nyata, orang-orang kita di sempadan tidak berkesan dalam menghentikan penyeludupan. Tanpa penyeludupan beras, tidak akan berlaku kejatuhan harga beras. Jadi, kita perlu menanganinya. Kita mungkin perlu bertindak keras. Apabila kita meletakkan orang di tempat itu terlalu lama, mereka menjadi biasa dengan keadaan di situ dan beras diseludup.

Malah, kita membina pagar di sempadan kita. Anda tahu, apabila kita membina pagar, terdapat banyak tentangan kononnya ini tidak mesra dan lain-lain. tetapi sebenarnya, pungutan tarif naik lebih daripada wang yang mereka belanjakan untuk membina pagar itu. Jadi, kita perlu mempunyai pemeriksaan sempadan yang berkesan atau rondaan sempadan. Penyeludupan yang ketara memang berlaku, penyeludupan beras ke dalam negara dan kini penyeludupan petroleum ke luar negara.

S: Tetapi 20 peratus daripada beras itu dikatakan diseludup sepanjang masa. Ini bermakna kita atau Bernas perlu mengurangkan import? Adakah ini

akan mengubah cara pemberian subsidi penanaman sehingga RM100 juta setahun. Adakah dasar beras akan berubah?

J: Ya. Untuk menghentikan import kerana berlaku penyeludupan kita tak boleh buat. Kita perlu import kerana telah berjanji untuk mengimport beras, kita ada perjanjian. Oleh itu, kita perlu terus mengimport. Pada masa yang sama, kita mesti memperkukuhkan pemeriksaan di sempadan, contohnya di mana ada kebocoran.

Cegah penyeludupan beras. Mengenai subsidi beras kepada petani, sebenarnya kos pengeluaran kita agak tinggi berbanding jiran kita. Jadi, beras kita perlu dijual pada harga tinggi dan jika kita jual pada harga tinggi, tidak akan ada orang yang mahu beli. Jadi, kerajaan memberi subsidi harga, bukan secara besar-besaran tetapi secara kecil-kecilan. Kerana kita tak mahu menjejaskan pasaran. Ia sesuatu yang rumit untuk dibuat sebagaimana yang anda lihat. Tetapi ini berjaya dilakukan selama ini. Kita dikelilingi negara-negara dengan kos buruh yang rendah dan kos pengeluaran beras yang amat rendah. Dan kita tak boleh bersaing dengan mereka.

S: Adakah benar bahawa daripada segi teknologi pertanian, kita ketinggalan berbanding sesetengah negara jiran kita, seperti Thailand?

J: Saya perlu mengakui ada orang yang lebih baik daripada segi pengeluaran makanan, antaranya tanaman. Kita tak begitu baik. Kita mempunyai pilihan. Kita boleh mengimport semua keperluan kita atau menanam sebahagian di negara kita. Jaminan makanan adalah sesuatu yang amat penting. Kita perlu mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 60 peratus daripada keperluan kita. Dalam kes beras, kita sengaja menetapkan antara 60 hingga 70 peratus bagi mengimport daripada jiran-jiran kita. Tetapi bagi memastikan kita mempunyai makanan yang secukupnya, kita perlu terus menanam walaupun kita pengeluar kos tinggi. Gaji kita lebih tinggi daripada gaji di negara-negara lain dan kita tak begitu ketinggalan daripada segi pengeluaran, kita sebenarnya mengeksport ikan dan juga mengimport ikan.

Sekarang kita perlu membangunkan cara menternak ikan dalam sangkar di laut, kita telah mengenal pasti banyak lagun atau tempat ikan membiak, banyak kerja dilakukan dalam sektor pertanian bagi meningkatkan pengeluaran makanan di negara ini bagi mengurangkan import.

S: Datuk Seri, pada satu peringkat kita berada di hadapan daripada segi teknologi. Seheinggakan kita mengeksport teknologi penanaman kelapa sawit ke negara lain. Adakah ini kerana kita memberi tekanan yang lebih kepada proses perindustrian dan mengabaikan sektor ini?

J: Kita memang berada di hadapan daripada segi kelapa sawit. Meskipun kita telah mengurangkan pengeluaran getah, ia kerana getah sintetik telah menjejaskan pasaran bagi getah kita. Jadi, permintaan bagi getah kini sebahagian besar hanya bagi susu getah bagi pembuatan barangan getah seperti sarung getah. Jadi, kita mengikut aliran pasaran. Permintaan bagi minyak sawit terus meningkat. Daripada dua juta tan yang kita keluarkan 15 tahun lepas kita kini mengeluarkan 10 juta tan setahun, lima kali lebih.

Pada masa yang sama, jiran-jiran kita dan negara lain mula mengeluarkan minyak sawit ini ini menyebabkan bekalan berlebihan. Khasnya dengan banyak negara juga memasuki pengeluaran kacang soya dan minyak kacang soya yang agak murah. Ini sesuatu di luar kawalan kita. Sementara kita boleh mengawalselia apa yang kita buat di negara kita, kita tidak boleh halang mereka yang lain berbuat apa yang baik bagi negara masing-masing.

S: Dalam lain perkataan, kuasa pasaran yang menentukan?

J: Ya, itu kuasa pasaran. Tetapi kami telah menasihati pengusaha supaya jangan menebang pokok getah untuk menggantikannya dengan pokok kelapa sawit. Tetapi mereka tidak menerima nasihat itu. Mereka berpendapat mereka boleh membuat lebih banyak duit. Sudah pasti mereka kini dilanda kesusahan.

S: Adakah masa depan bagi industri getah?

J: Kita perlu mengeluarkan getah dengan cukup di negara ini untuk menampung keperluan perkilangan kita. Kita sekarang mengeksport lebih banyak barangan getah yang dikilang dan bukan lagi getah mentah. Sebenarnya, kita sedang membeli getah mentah daripada negara-negara lain untuk menampung keperluan perkilangan.

S: Datuk Seri, mengenai pengganti anda, soalan yang sering ditanya oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Sekarang adakah YB berpendapat anda bertanggungjawab untuk mempersiapkan Perdana Menteri akan datang. Ini kerana sekarang ini, ramai rakyat Malaysia, kita tidak berkata semuanya, tetapi ramai yang berkata tiada siapa yang sesuai untuk menggantikan anda.

J: Tidak, saya tidak fikir demikian. Setiap Perdana Menteri mempunyai kelebihan tersendiri. Cara beliau menjalankan tugas, gayanya dan penyampaiannya ...Jadi, ia tidak bermakna jika saya tiada lagi semuanya akan terhenti. Semuanya akan berjalan tetapi dengan cara yang berlainan. Yang satu sahaja tetap sama ialah Barisan Nasional dan Umno. Kita akan teruskan dasar-dasar yang sama. Mungkin sedikit perubahan di sana dan di sini. Tetapi pada asasnya, ia adalah dasar yang sama. Adalah agak ganjil sementara ada pihak yang mengecam dan menuduh saya sebagai memerintah dengan kuku besi, ada pula pihak berkata jika saya bersara, tiada yang lain untuk menggantikan saya. Jadi terdapat pandangan yang bercanggah dalam hal ini.

Dan saya berkata yang ia adalah agak ganjil yang satu pihak mengecam saya sebagai diktator. Tetapi satu lagi pihak berkata, jika saya pergi tiada yang lain untuk menggantikan saya. Jadi, ada pandangan bercanggah mengenai ini.

Suka atau tidak satu hari nanti saya akan pergi juga. Jika saya meninggal dunia, yang lain perlu menggantikan saya dan parti kita sudah bersiap sedia untuk menghadapi hakikat ini. Jika saya pergi, orang lain akan ambil alih peranan saya. Proses penggantian sudahpun ditentukan.

S: YB ada mengatakan ini adalah penggal terakhir sebagai Perdana Menteri. Adakah Datuk Seri bersedia untuk mengatakan sekarang yang Datuk Seri akan memberi kuasa kepada orang yang menggantikan Datuk Seri sebelum pilihan raya akan datang dan membenarkan beliau menerajui Barisan Nasional dalam pilihanraya itu?

J: Sejurus sebelum atau lama sebelum (pilihan raya), bergantung kepada penilaian kita. Tetapi walaupun saya tidak menjadi Perdana Menteri, apa jua pengetahuan yang saya ada yang boleh disumbangkan kepada parti, akan saya sampaikan. Saya tidak boleh tinggalkan parti begitu sahaja. Saya telah menjadi Perdana Menteri dan presiden parti kerana sokongan parti. Dan saya perlu sokong parti bila saya pergi.

S: Dalam kapasiti apa Datuk Seri?

J: Apa jua kapasiti, mungkin jika mereka hendak tanya saya sebarang

soalan saya bersedia untuk memberi jawapan. Atau jika mereka mahukan saya membuat kerja saya bersedia membuat kerja setakat mana yang mampu.

S: Adakah Datuk Seri akan biarkan orang terus meneka bila Datuk Seri akan memberikan kuasa kepada pengganti yang akan mengambilalih tempat Datuk Seri?

J: Sebab sebenar kenapa saya tidak menyatakan bila saya akan berundur atau apa-apa, ialah kerana ia (pengumuman) akan memberi kesan kepada ekonomi dan pasaran. Saya tidak mahu pilihan saya itu memberi kesan kepada pasaran.

S: Datuk Seri, adakah Datuk Seri mengatakan bahawa setiap Perdana Menteri mempunyai cara yang berbeza dalam memimpin terutama sekali dengan latar belakang Datuk Seri sebagai doktor berbanding dengan ketiga-tiga Perdana Menteri yang terdahulu di mana mereka semuanya peguam. Bagaimana Datuk Seri membezakan cara Datuk Seri dengan cara mereka?

J: Mungkin mereka akan melihat lebih daripada segi perundangan. Saya tidak tahu. Tetapi, mereka mempunyai objektif yang sama tetapi pendekatannya berbeza. Dan sebagai seorang yang terlatih sebagai seorang doktor, ada cara-cara yang tertentu untuk mengendalikan masalah sebagai seorang doktor, seperti bila kita merawat seorang pesakit, kita melihat sama ada pesakit itu sakit ataupun tidak dan apa sakitnya itu. Adakalanya kita dapat mengenal pasti penyakit itu hanya dengan melihat seseorang. Tetapi yang utama adalah untuk melihat sejarah seseorang itu, sains dan tanda-tanda, pemeriksaan makmal dan kita perlu memeriksa semuanya dan barulah dapat kita buat kesimpulan apa masalah yang dialami. Lepas ini barulah kita mencari jalan bagaimana untuk menangani masalah itu daripada pengalaman kita.

S: Tahun baru ini kita akan mendapat seorang Peguam Negara dan seorang Ketua Hakim Negara yang baru. Adakah Datuk Seri berharap kedua-dua perlantikan ini akan mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman negara yang diakui tidak lagi diyakini oleh masyarakat umum dan perselisihan antara para hakim dan para peguam?

J: Ya, saya fikir demikian kerana rakyat akan memberi ruang. Mereka juga manusia dan mereka juga mempunyai kelemahan. Mereka mungkin berkuasa tetapi mereka bukanlah malaikat. Mereka bukanlah seseorang yang sempurna. Jadi mereka mempunyai masalah mereka sendiri. Kita perlu fleksibel dalam pemikiran kita dalam menilai kemampuan orang-orang kita. Saya pernah bekerja dengan orang-orang ini yang sangat baik dan ada juga tidak begitu baik.

S: Datuk Seri telah melantik wanita ke beberapa jawatan penting. Pada suatu ketika Datuk Seri dipetik sebagai berkata sebab wanita dilantik adalah kerana lelaki malas. Apa yang Datuk Seri cuba buat di sini? Adakah Datuk Seri dengan melantik wanita cuba untuk memberi mereka lebih banyak kuasa dalam proses membuat keputusan?

J: Saya tidak ada pilihan lain. Mereka adalah calon terbaik. Mereka telah naik ke atas dan mempunyai kemampuan dan saya tidak tahu kenapa saya perlu menafikan mereka bila tiada lelaki yang mempunyai kelayakan seperti wanita. Jadi kita perlu melantik seseorang mengikut kelayakan, bukan kerana orang itu lelaki atau wanita.

Bila saya kata lelaki malas, ianya bermula dari sekolah dan universiti.

Di universiti hari ini 60 peratus pelajar, terutama sekali orang Melayu, terdiri daripada wanita dan mereka belajar dalam jurusan penting -- kejuruteraan, Sains, pengurusan, dll. -- manakala lelaki pula mengambil jurusan seperti Bahasa Malaysia, Pengajian Islam dan Sains Sosial yang mereka fikir boleh lulus dengan mudah.

Dan bila mereka masuk dalam kerajaan, mana kita hendak tempatkan mereka? Mereka tidak mempunyai kapasiti untuk mengendalikan pentadbiran, apabila kaum wanita di universiti belajar dalam jurusan yang penting -- mereka menjadi peguam, doktor, jurutera dan saintis.

Mereka telah menunjukkan yang mereka boleh melakukannya, sebagai contoh seorang wanita yang telah dihantar ke luar negara dan ke angkasalepas yang mengatakan beliau mempunyai kelayakkan yang tinggi. Jadi, adakah saya akan menghantar seorang lelaki yang tiada berkelayakan hanya kerana dia seorang lelaki? Tidak, saya tidak fikir itu akan menjadi pilihan saya.

-- BERNAMA
CS ES SR PR